

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## HARGA RUNCIT MAKSIMUM BAHARU MINYAK SAWIT TULEN KEMASAN BOTOL KEKAL

**PUTRAJAYA, 1 DISEMBER 2022** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ingin memaklumkan bahawa harga runcit maksimum minyak masak tulen kemasan botol bagi tempoh **8 Disember 2022 hingga 7 Januari 2023** berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia (CPO) adalah seperti berikut:

### Harga Runcit Maksimum Bagi Minyak Masak (Botol)

| Barangan     | Kuantiti (Kilogram) | Harga Runcit (RM) |
|--------------|---------------------|-------------------|
| Minyak Masak | 1 kg                | 6.90              |
|              | 2 kg                | 13.30             |
|              | 3 kg                | 19.60             |
|              | 5 kg                | 30.90             |

2. Penetapan harga ini adalah hasil kerjasama daripada pihak industri minyak masak yang telah bersetuju untuk **mengekalkan harga maksimum bulan Disember 2022 sama dengan bulan November 2022** walaupun harga purata minyak masak mentah (CPO) sepanjang bulan November mencatatkan peningkatan berbanding bulan sebelumnya (Oktober).

3. Mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan;
- (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000.

4. KPDNHEP menyeru seluruh masyarakat pengguna terus berhemah dalam pembelian, mengutamakan yang perlu dan merancang setiap pembelian di masa yang sama turut menggalakkan pengguna menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan ketidak-patuhan undang-undang membabitkan harga runcit maksimum minyak masak sawit tulen di pasaran melalui pelbagai saluran aduan rasmi berikut:

- i. Whatsapp ke 019- 279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal e-aduan: <https://eaduan.kpdnhep.gov.my/>
- iii. Call Centre: 1-800-886-800
- iv. Emel: e-aduan@kpdnhep.gov.my
- v. Aplikasi Ez ADU KPDNHEP
- vi. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245

####

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna  
PUTRAJAYA

**1 DISEMBER 2022**